



UCHAPAN YAB DATO MENTERI BESAR KEDAH DALAM  
MAJLIS PERHIMPUNAN MUHIBBAN DI-PEKAN JENIANG  
PADA 4.4.1970 JAM 9.40 MALAM

---

Tuan Pengerusi Majlis

.....  
.....

Pada malam ini tuan2 dan puan2 berhimpun beramai2 di-<sup>Padaang MAJLIS TEMPATAN</sup>pekan Jeniang ini datang dari jauh dan dekat, lelaki perumpuan, tua dan muda, berdukong berkilek semua-nya saya rasa ada-lah dengan tujuan yang sama ia-itu menyambut seruan ahli2 J'Kuasa Muhibbah di-sini, sambil bersuka2 merayakan suatu perhimpunan yang tidak pernah di-adakan dulu-nya yang di-beri nama perayaan Muhibbah. Tujuan perayaan ini ada-lah semata2 untok dapat berkumpul beramai2 dengan perasaan yang mesra dan harmoni di-antara satu sama lain tidak di-kira apa jua keturunan bangsa.

Kita telah banyak berchakap tentang Muhibbah di-adakan perhimpunan2 sa-umpama ini/di-merata2 tempat, pemimpin2

kita berkejar ka-sana ka-mari berchakap pasal Muhibbah, pegawai2 Kerajaan dan ahli2 J'Kuasa Muhibbah tempatan yang di-beri tugas telah pun memainkan peranan masing2 dalam perkara ini. Ada-kah ini semua telah memberi kesan yang sa-benar-nya kapada seluroh raayat.

Kalau hanya sa-kadar tidak berbangkit apa2 pergadohan di-antara kaum2 atau pun sama2 kaum sendiri belum-lah lagi boleh di-katakan ada perasaan Muhibbah, kerana arti Muhibbah bukan sa-takat tidak ada pergadohan atau dengan kata2 sahaja, bahkan Muhibbah mempunyai pengertian yang chukop luas dan mendalam, sebab perkataan Muhibbah itu berarti kaseh mesra yang membangkitkan perasaan ingin tulong menolong dan bantu membantu di-antara satu sama lain, maka ini-lah chara-nya yang di-kehendaki sangat2 dalam Muhibbah ini, tetapi sa-takat ini di-dapati pengertian muhibbah itu belum lagi sampai ka-perangkat yang di-kehendaki dan belum di-laksanakan dengan arti kata yang sa-benar. Mithal-nya pelaksanaan bahasa Kebangsaan yang menjadi salah satu pektur



penting memupok perasaan Muhibbah tidak di-amalkan mengikut yang sa-mesti-nya, chontoh-nya kita maseh mendapati papan2 tanda yang di-gantong di-tempat2 perniagaan tidak di-tulis dalam bahasa Kebangsaan, kalau di-tulis pun hanya dengan huruf2 yang kechil sahaja, begitu juga peluang2 pekerjaan di-sharikat2 kepunyaan orang2 bukan Melayu hanya sa-bilangan yang kechil sahaja orang Melayu yang di-ambil bekerja, kalau di-kedai2 boleh di-katakan tidak ada langsung. Pada hal perkara yang sa-umpama itu sangat mustahak dalam pelaksanaan gerakan Muhibbah di-antara kaum. Dalam sesama kaum sendiripula kejadian pulau memulau sering berlaku di-kampong2 akibat pahaman politik, ini suatu perbuatan dan suatu gejala yang burok ada pula sa-tengah2 tempat laporan2 yang di-terima ia-itu perbuatan churi menchuri kerbau dan sa-bagai-nya di-lakukan, kechurian yang sa-umpama itu pun ada kaitan juga dengan politik ia-itu orang2 dari satu pihak pati menchuri kepunyaan orang2 pati lain begitu-lah

sa-balek-nya. Saya berharap segala perbuatan dan kejadian seperti yang saya sebutkan tadi segera-lah di-berhentikan kalau benar2 mahu kembali kepada semangat Muhibbah dan harmoni, jika tidak segala usaha Kerajaan bagi kepentingan Muhibbah itu akan menjadi sia2 dan tidak memberi apa2 kesan dan faedah chuma merugikan masa dan wang ringgit sahaja, pada hal Kerajaan bersungguh2 dalam hal ini, hakikat ini hendak-lah di-sedari oleh sakalian raayat jelata.

Salain dari itu hendak-lah juga di-fahamkan ia-itu Kerajaan mempunyai dasar-nya yang tegas dalam mengembalikan suasana Muhibbah. Kita tidak-lah boleh lari dari dasar ini ia-itu berpandukan kepada apa yang termaktub di-dalam perlembagaan negara. Kejadian dan peristiwa yang telah berlaku pada 13 Mei dahulu itu ia-lah sa-bahagian raayat telah lupa kepada perlembagaan negara-nya sendiri. Perkara2 yang tidak patut sama sekali di-bangkitkan dalam ucapan2 dan kempen2 itu-lah yang di-perkatakan sangat2 sahingga bangkit perasaan churiga menchuriga-i di-antara



kaum dan kesempatan ini pula di-ambil peluang oleh anasir2 kiri yang anti-kebangsaan yang tundok di-bawah telunjuk kominis. Akhir-nya terchetus-lah trajidi yang malang itu dengan mengorbankan sebagian besar orang2 yang tidak berdosa. Sekarang pihak Kerajaan telah berazam dan berusaha sunggo2 supaya kejadian yang sa-umpama itu tidak berulang lagi. Azam ini hendak-lah di-sokong kuat oleh seluroh raayat yang berkehendakan perdamaian dan harmoni dan chintakan tanah ayer ini kerana tanpa sokongan raayat yang betul2 jujur tentu-lah pihak Kerajaan tidak dapat menjalankan tugas-nya dengan baik.

Satu perkara lagi yang menjadi perhatian berat pihak Kerajaan dalam hal ini ia-lah masaalah pembahagian ekonomi yang tidak se-imbang di-antara raayat. Perkara ini perlu di-atasi segera, orang2 yang berada dan tinggi keadaan ekonomi-nya perlu-lah memandang ke-bawah dan harus-lah menghulor tangan membimbing orang2 yang lemah ekonomi supaya jurang perbedzaan itu tidak lagi menimbul-

kan masaalah. Ini boleh di-lakukan jika ada perasaan tolak ansor dan toleransi di-tiap2 pihak, dan ini-lah juga yang menjadi salah satu sebab dan puncia mengukuhkan perasaan harmoni. Kalau jurang perbedzaan ekonomi itu ~~jauh terbentang~~, tidak di-hiraukan bagi mengatasi-nya saya perchaya segala usaha kita ka-arrah muhibbah itu akan gagal juga.

Buat penutup ucapan saya ini lagi sekali saya mengucapkan terima kaseh kepada Pengerusi dan Ahli2 J'Kuasa Perayaan Muhibbah Pekan Jeniang ini yang telah berusaha menjayakan perhimpunan ramai dengan banyak mengeluarkan tenaga dan wang ringgit. Saya berharap J'Kuasa ini akan mengadakan lagi ranchangan2 yang lain umpama membuka kelas2 bahasa Kebangsaan bagi orang2 bukan Melayu dapat belajar dan bertutor Bahasa Kebangsaan dengan baik dan juga ranchangan2 memberseh pekan dan kampong serta rumah tangga sendiri dengan jalan bergotong royong. Semua ini dapat di-lakukan dengan chara muhibbah demi untok kesehatan dan perpaduan raayat di-sini. Sekian-lah terima kaseh.

↓  
Saya sebagai wakil YAB: Dato M.B.  
dengan sukachita-nya meresmikan majlis Muhibbah  
Pekan Jeniang pd: malam yg: mulia ini.



Saya sebagai Wakil YAB Dato' Menteri Besar  
dengan sukachita-nya menyampaikan salam hormat  
YAB Dato' kepada tuan2 & puan2 para hadzirin  
sekelian kerana beliau tidak dapat hadir sendiri  
malam ini di-sebabkan sesuatu urusan lain yang  
tidak dapat di-elak.

Hj. ZAINUDDIN B. Hj. DIN, SMK, AMN; J.P.  
AHLI MAJLIS MESHUARAT KERAJAAN,  
NEGERI KEDAH.

P.U.

UP. 47/G/GP. 1791 berkaitan.

69.  
7/9/71